

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 3 Perundangan Islam Di Terengganu

(Pengkisah 4, Tuan Haji Mohd Ros Mohd Yusof)

Yang memberatkan hukuman kerana terjejas dengan perbuatan orang-orang jahil yang bertempik sorak dengan suara takbir tadi. Tapi kalau kita mempunyai peribadi yang kuat, tidak akan memberi kesan terhadap perkara-perkara tadi. Kita akan hukum dengan adil kerana itu ialah perintah di dalam agama kita.

(Pengerusi Majlis) Ada lagi?

(Pengulas ke-2) Ada 2 3 lagi, tuan pengerusi

(Pengerusi Majlis) Rangkumkanlah

(Pengulas ke-2)

Satu-satu senang dok (kan)? Jadi saya cuba satu persatu ye untuk jelaskan. Dalam kalau tak salah silap saya ordinar mahkamah rendah 1948, ada satu seksyen yang mengatakan ataupun bunyinya maksudnya sedemikian. Keputusan mahkamah-mahkamah yang bertentangan dengan mahkamah ini hendaklah terbatal, setakat mana yang bertentangan. Bukan perlembagaan, dok (tidak). Yang keputusan mahkamah. Jadi saya nak cerita sikit tentang peristiwa, satu kes, peristiwa itu berlaku di Melaka. Bila mana seorang atau sepasang telah dituduhkan khalwat. Kemudian kes ini dirayu ke mahkamah tinggi sivil ataupun mahkamah tinggi adat di mana keputusannya berlawanan daripada apa yang telah dibuat oleh mahkamah syariah kerana prinsipnya keputusan mahkamah sivil itu mengatasi keputusan mahkamah kadi. Yang berikutnya, fakta yang berikutnya ialah dalam susungalur sistem mahkamah sebagaimana yang telah dikisahkan oleh pengkisah yang pertama tadi, mahkamah kadi kalau ikut susun galurnya yang ada sekarang ialah terletak bawah nun di bawah sekali. Kalau nak bandingkan mahkamah penghulu dengan mahkamah kadi, mahkamah penghulu lebih tinggi daripada mahkamah kadi. Jadi itu juga menunjukkan kedudukan kadi, taraf kadi, mahkamah kadi dan bidang kuasa mahkamah kadi. Jadi saya nak minta pendapat yang berbahagia tuan haji kita ni ialah pertamanya, sejak daripada dulu sampailah dalam tahun 1987, 31 Disember 1987, mahkamah-mahkamah kadi ni berada di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama. Jadi kalau saya luaskan sikit persoalan saya ni ialah pentadbiran di situ dan kehakiman di situ. Sedangkan sistem yang kita tengok dalam negara kita kehakiman satu bidang kuasa, pentadbiran satu bidang kuasa, perundangan satu bidang kuasa. Dalam sistem agama yang ada dalam negara kita terutama di negeri Terengganu ini sehingga 31 Disember 1987, pentadbiran syariah di situ, undang-undang

pelaksanaan, pelaksana undang-undang syariah di situ, mahkamah juga di situ. Jadi saya mintalah pandangan yang berbahagia tuan haji, daripada 3 perkara yang saya sebutkan tadi, minta ulasan sikitlah macam mana pendapat tuan haji, setuju ke sebab saya katakan tadi 31 12 87 tu, sebab mulai 1 1 1988, kerajaan negeri Terengganu Darul Iman telah bersetuju mengasingkan mahkamah syariah dengan jabatan hal ehwal agama. Dalam erti kata lain, satu jabatan hal ehwal ugama, kadi-kadi ni dipisahkan kepada jabatan kehakiman syariah tetapi pelaksanaannya ialah sehingga Tuan Haji Mohd Ros ini dilantik menjadi kadi besar iaitu baru 1hb 1 1989. Jadi saya mintalah pandangan yang berbahagia sikit.

(Tokoh 4)

Jadi berhubung dengan jabatan kadi yang telah ditubuhkan ini di dalam struktur jabatan hal ehwal ugama saya tengok bahagian kehakiman dah dihapuskan, dipadam kerana beerti dia telah berasingan, tidak duduk di bawah jabatan ugama lagi. Mulai perlantikan saya ni. Dan itu saja ya?

(Pengulas ke-2)

Maksudnya adakah tuan haji bersetuju dengan apa yang telah dibuat oleh pihak berkuasa sekarang?

(Tokoh 4)

Ya, memang saya sokong 100% dan itulah yang mungkin diidami oleh seluruh orang Islam yang ada di negeri Terengganu ini.

(Pengulas ke-2)

Sekarang ini pelaksanaan selepas merdeka. Soalan yang berikutnya atupun minta pandangan dari segi pengalaman tuan haji lah. Pelaksanaan selepas merdeka ini ada idea-idea baru lah terutama menarafkan mahkamah syariah sebagaimana akibat sebagai mana yang saya sebutkan tadi iaitu ada ura-ura pihak berkuasa untuk menarafkan makamah syariah ini setaraf dengan mahkamah majistret. Setidak-tidaknya sedemikian. Jadi beberapa skim ataupun dari segi skimnya telah diluluskan, skim pegawai syariah untuk hakim-hakim di mahkamah syariah. Tetapi masalah yang ada ialah masalah bidang kuasa, maksud saya sebagaimana yang saya sebutkan tadi bidang kuasa mahkamah syariah kut mana pun (macam mana sekalipun) akan terjerat dengan undang-undang yang telah terghubal sebelum merdeka yang sampai merdeka diterima pakai. Bagaimana ustaz?

(Tokoh 4)

Jadi berhubung dengan bidang kuasa kalau dibandingkan dengan undang-undang yang ada di dalam undang-undang pentadbiran Islam Bil.4 1955 kita dah berbeza jauh dengan adanya perubahan di dalam akta undang-undang mahkamah federal iaitu bidang kuasa hakim-hakim boleh mendenda seseorang itu sehingga sampai ke peringkat 5,000 ringgit ataupun 3 tahun penjara dan juga boleh melakukan sebat sebanyak 6 kali. Ini kita tengok daripada sejarah perkembangan undang-undang Islam ini adalah meningkat dari sehari ke sehari adalah lebih baik. Mudah-mudahan dengan adanya forum seperti ini satu hari akan sampai kepada matlamat untuk mensetarakan undang-undang Islam dengan undang-undang mahkamah awam.

(Pengulas ke-2)

Saya minta penjelasan berikutnya lah iaitu satu peristiwa yang boleh membanggakan kita orang-orang Islam ialah bila mana berlakunya pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan melalui Akta 704/88 yang bertarikh pada 10hb Jun 1988. Pindaan itu ialah pindaan Perkara 121 iaitu ditambah lagi 1A. 121 1A yang mana mahkamah-mahkamah awam sama ada mahkamah agung ataupun mahkamah tinggi tidak berupaya, tidak mempunyai bidang kuasa ke atas mahkamah-mahkamah syariah. Dalam erti kata lain, kes-kes yang dibawa ke mahkamah syariah tidak akan diganggu gugat lagi oleh mahkamah-mahkamah sivil ataupun mahkamah-mahkamah adat. Jadi saya katakan satu titik tolak tu bila mana kita lihat pada Senarai 2 ataupun Jadual ke-9 Senarai 2, senarai negeri dan perlembagaan negeri disebutkan mahkamah syariah dan keanggotaannya, struktur mahkamah syariah hendaklah disusun oleh badan perundangan negeri. Jadi sekarang saya berpendapat bahawa kerajaan negerilah yang berkuasa menyusun struktur mahkamah syariah bila mana perundangan persekutuan ataupun Perlembagaan Persekutuan memberi peruntukan-peruntukan sedemikian. Jadi dalam kes ini, maknanya pindaan perlembagaan 121 1A tadi dan dengan hasrat dan pelaksanaan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri sebagai mana yang saya sebut tadi mulai 1 1 88 tu, apa komen yang berbahagia tuan haji ataupun apa pendapat yang berbahagia tuan haji dalam perkara ini.

(Tokoh 4)

Dalam soal ini, memang saya menyokong dan sebagai langkah yang pertama, iaitu yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Terengganu mungkin dengan perlantikan saya ni sebagai hakim mahkamah tinggi syariah itulah sebagai

bermulanya era baru untuk menubuhkan satu jabatan kehakiman yang kemas, cekap, di masa-masa yang akan datang. Saya jangka macam itulah.

(Pengulas ke-2)

Dan terakhirnya ialah saya nak minta dari segi pandangan syarak sikitlah. Dalam kitab-kitab feqah, ada disebut mahkamah hendaklah dalam istilah feqah ni dikatakan fi makanin barijin. Jadi minta tuan haji menjelaskanlah sama ada mahkamah syariah yang ada sekarang dah, pada pendapat tuan haji lah puas hati ke belum lagi ke, perlu pembaharuan lagi ke ataupun memadai dengan apa yang ada.

(Tokoh 4)

Mengikut pendapat saya yang kata dalam kita feqah makanin barij tu ialah mahkamah terbuka. Ketika bicara itu mahkamah terbuka. Ertinya bukan pintu yang terbuka. Tapi mahkamah ketika bicara itu ada orang luar masuk mendengar sama. Bukan orang yang kena tuduh saja, peguam saja, tapi orang awam yang tak ada kena mengena pun seorang dua masuk, itu sudah menjadi mahkamah terbuka. Dan hal ini telah dijalankan sejak daripada mula lagi mahkamah ditubuhkan di negeri Terengganu kerana ulama'-ulama' yang dulu macam Dato' Purba, Tuan Haji Saleh MISBAHA kita pun terdiri daripada ulama'-ulama' telah melaksanakan mahkamah terbuka ini.

(Pengerusi majlis)

Terima kasih. Dan saya rasa supaya tidak ada kekeliruan di atas penjelasan mengenai pemisahan di antara jabatan agama dengan jabatan kehakiman syariah tu, walaupun sebelum berpisah dulu mahkamah kadi berada di bawah jabatan agama tetapi dari segi menjatuhkan hukum ketua jabatan tidak akan dirujuk ataupun ketua jabatan tidak dapat mempersoalkannya. Cuma dari segi pentadbiran, mahkamah ataupun pejabat kadi adalah terletak di bawah pentadbiran pesuruhjaya. Dalam pada itu pun masih walaupun soal menjatuhkan hukum, hakim ataupun kadi bebas, berdasarkan enakmen yang ada di tangannya, tetapi secara tidak langsung oleh kerana terletak, dari segi pentadbirannya terletak di bawah pesuruhjaya, sedikit sebanyak boleh menjejaskan kewibawaan dan sedikit sebanyak boleh mendatangkan perasaan ragu ataupun rasa takut, rasa takut-takut kemungkinan akan dipersoalkan secara tidak langsung di luar mahkamah ataupun di luar jabatan dan kemungkinan akan ditukar ke ataupun diikhtiar supaya tidak lagi menjadi kadi misalnya. Jadi itulah dari segi buruknya kalau mahkamah kadi itu diletak di bawah satu jabatan yang lain. Tapi dari segi praktiknya begitulah, segala hukuman yang dijatuhkan

bukanlah lagi diletak ataupun di bawah wibawa pesuruhjaya. Tetapi di bawah kadi itu sendiri.

Sekarang kita dah tamat round pertama. Iaitu pengkisahan dan ulasan. Mengikut program kita, round yang ke-2, pusingan yang ke-2 ialah majlis yang dibuka kepada saudara saudari sekalian, tuan-tuan dan puan-puan untuk mendapat penjelasan daripada keempat-empat tokoh kita. Untuk menyenangkan saya dan urusetia, saya haraplah setiap orang yang nak bertanya tu mengemukakan namanya dan kalau dia berasa soalan tu nak dijawab, ataupun nak ditujukan kepada seseorang tokoh, bolehlah disebut terus. Kalau tidak mahu pun tidak mengapa. Keempat-empatnya siap sedia untuk memberikan penjelasan. Silakan peluang keemasan. Saya rasa banyak hendak disoal, tapi malu. Ini soal besar ni, kita selalu duk sebut (menyebut), dengar orang-orang bercakap tentang undang-undang Islam, tidak dipraktik, jabatan agama membuat undang-undang baru, menambah rukun kahwin dan sebagainya. Ya, sila

(Penyoal 1)

Bismillahirrahmanirrahim. Saya tak tahulah ni, saya baru hadir, baru makna tuan kadi besar kita berucap. Jadi sesi pagi tu saya tak tahu dan saya ni hadir bukan sebagai itu sebagai pemerhati saja lah. Tapi walau bagaimanapun peluang keemasan ini patut diisi.

(Pengerusi majlis) Semua yang ada di sini peserta.

(Penyoal 1) Ya? Jadi boleh tak saya tanya ni?

(Pengerusi majlis) Boleh, beritahu nama.

(Penyoal 1)

Terima kasih. Saya Abdul Salam Mohd dari KUSZA. Saya ingin bertanya mengenai (berfikir sejenak) undang-undang syariah dan undang-undang-undang pentadbiran syariah. Jadi di sana banyak kekeliruan. Jadi nak tahulah perbezaannya, maknanya sekarang sebagai contoh tuan kadi besar kata tadi kalau tak silap saya lah, misalnya orang yang bercerai di luar daripada pejabat, kena denda 500? Lebih kurang begitulah. Jadi ini adakah merupakan undang-undang Islam atau undang-undang pentadbiran Islam? Yang ke-2 nya mengenai apa yang disuarakan oleh pengulas tadi iaitu sekiranya berlaku percanggahan hukuman di antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil, maka undang-undang atau hukum yang dibuat oleh mahkamah syariah itu terbatal. Jadi kalau

dipandangkan di sini, apa fungsinya mahkamah syariah tu? Jadi ingin penjelasanlah. Ada satu lagi, saya tak ingat. Boleh jadi itu sajalah. Terima kasih.

(Pengerusi majlis)

Jadi ada 3 soalan. Pertama, perbezaan di antara undang-undang syariah dengan undang-undang pentadbiran syariah. Dan yang ke-2 tentang apakah perceraian tanpa mengikut enakmen itu dianggap hukum syarak ataupun terletak di bawah pentadbiran syarak dan yang ke-3 mengenai pemansuhan dengan sendirinya hukuman yang dijatuhkan oleh kadi apabila bertentangan dengan undang-undang adat. Jadi saya mintalah mana-mana tokoh yang nak jawab soalan ni.

(Tokoh 3)

Biarlah saya jawab dulu mula-mula soalan hok (yang) mudah ni. Bercerai di luar mahkamah ini memang banyak soalan yang sampai ke pejabat kita kerana undang-undangnya dianggap tidak berapa perbezaan dengan syarak. Undang-undang yang turun dari langit adalah hukum syarak. Dan juga hadis yang ditinggalkan oleh Rasulullah. Itu juga hukum syarak yang tak boleh diubah-ubah lagi. Yang kita jalan hari ini ialah undang-undang pentadbiran. Mentadbirkan hukum-hukum yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t. Kalau tidak ada pejabat kadi ataupun tidak ada pemerintah, siapakah yang akan menjalankan hukuman ini? Di antaranya cerai di luar mahkamah. Sah ataupun tidak? Kalau undang-undang mengatakan seorang itu bercerai di luar mahkamah tidak sah, itu adalah salah. Itu adalah menyalahi hukum syarak. Tetapi yang kita mengatakan dia seorang yang bercerai di luar mahkamah itu bukan tak sah, sah, tetapi salah dari segi undang-undang pelaksanaan ataupun pentadbiran. Tujuannya janganlah mudah sangat apabila gulai tu tak ada garam sikit pun, beleber (membebel) sekejap pun pahtu (selepas itu) cerai bini dia di luar mahkamah. Padahal itu perkara kecil saja. Tujuannya mari (datang) runding dulu di hadapan kadi. Kadi akan bagi nasihat, kadi akan bagi pandangan, mudah-mudahan perkara yang kecil itu tidak akan berlaku perceraian dan banyak perkara ini telah berlaku. Kalau 15 orang datang berunding di hadapan kadi, dia belum melafazkan cerai, maka 10 daripadanya dapat diselesaikan dengan tidak bercerai.

Berhubung dengan pembatalan hukuman mahkamah syariah itu telah dipinda oleh perlembagaan baru-baru ini yang telah diterangkan oleh Dato' Seri Amar Diraja di majlis pembukaan itu sebagai satu jawapan kepada saudara kita yang bertanya tadi. Mahkamah sivil, mahkamah awam tak boleh nak membatalkan lagi hukuman yang telah dijatuhkan oleh pejabat kadi. jadi tentang perbezaan tu, macam saya terang tadi lah, takkanlah sama undang-undang Allah. Yang kita